

Sarkina Bt Mat Saad @ Shaari

From: Hal Ehwal Pelajar
Sent: Thursday, November 26, 2015 11:39 AM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Cc: Dr. Mohd Dino Khairri Bin Shariffuddin; Azhar B Anis Mohammad; SITI ZULAIHA BINTI AHMAD
Subject: HEP ONLINE: 98 PESERTA IKUTI PROGRAM TRAINING OF TRAINERS (TOT) BAGI PROGRAM 1MRyD (I AM READY) SESI A151



“UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA”
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

26 NOVEMBER 2015, KHAMIS | 14 SAFAR 1437H



PUSAT PEMBANGUNAN KERJAYA: Pusat Pembangunan Kerjaya (CDC), Jabatan Hal Ehwal Pelajar Universiti Utara Malaysia (UUM) telah mengadakan Program *Training of Trainers (TOT)* Program 1MRyD (*I am Ready*) pada 16 hingga 17 November 2015 bertempat di Hotel EDC, UUM.

Tujuan program ini diadakan adalah bagi memberi panduan dan persediaan kepada para peserta untuk menjadi fasilitator kepada para pelajar UUM (semester 1 hingga semester 4) bagi kelas Program 1MRyD 2015 (A151) yang bakal berlangsung pada 28 November 2015 dan 5 Disember 2015 ini.

Seramai 98 peserta telah menghadiri program tersebut yang terdiri daripada staf pentadbiran dan pensyarah UUM. Lima orang pensyarah UUM dan CEO dari JobHouse Sdn. Bhd iaitu En. Sam Elias telah dijemput untuk menyampaikan ceramah dalam slot yang diatur dalam program tersebut.

Pengarah Pusat Kerjaya, Dr. Awan bt. Ismail turut memberikan taklimat utama iaitu taklimat pelaksanaan 1MRyD kepada para peserta. Majlis penutup program telah disempurnakan oleh Pengarah HEP, Dr. Mohd Dino Khairri Bin Shariffuddin.

Sekian.

Daripada

Jabatan Hal Ehwal Pelajar

Universiti Utara Malaysia

06010 UUM Sintok, Kedah

Tel: 04 – 928 4011

Faks: 04 – 928 4016

Web: www.hep.uum.edu.my

Emel: hep@uum.edu.my

Facebook: <https://www.facebook.com/hep.uum>

Blog: <http://hepuum.blogspot.com/>

